

Pembela perlu buktikan keterangan PM relevan

Oleh Munira Mohd Yusoff

BH 19 FEB 2000

KUALA LUMPUR. Jumaat – Mahkamah Tinggi mahu pembela dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim, menunjukkan bahawa keterangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah relevan sebelum memanggil beliau sebagai saksi.

Hakim Datuk Arifin Jaka berkata, pihak pembela perlu membuktikan keterangan Dr Mahathir adalah relevan sebelum beliau sendiri dapat membuat keputusan mengennainya.

Mahkamah sebelum ini diberitahu bahawa sapina sudah dikeluarkan terhadap Dr Mahathir oleh peguam Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, Gobind Singh Deo, manakala Anwar juga sudah membuat permohonan untuk mengeluarkan sapina terhadap beliau.

Bagaimanapun, Timbalan Kanan Pendakwaraya Datuk Abdul Gani Patail membuat bantahan dan memohon mahkamah menggunakan Seksyen 136 Akta Keterangan sebelum membuat keputusan berhubung isu itu.

Peguam Anwar, Karpal Singh pula berhujah bahawa pihak pendakwa tidak mempunyai locus *standi* untuk membantah sapina itu, sebaliknya permohonan untuk mengetepikannya perlu dibuat oleh penerima sapina.

Berikutan keputusan Arifin hari ini, Karpal memberitahu mahkamah bahawa kedua-dua defendan akan mengemukakan affidavit bagi menyokong sapina terhadap Perdana Menteri.

Arifin kemudian memberi masa sehingga Selasa depan bagi membolehkan affidavit itu dikemukakan.

Ketika membuat keputusan itu, Arifin berkata tidak ada peruntukan undang-undang yang menyatakan permohonan mengetepikan sapina perlu dibuat sebelum Seksyen 136 boleh digunakan.

“Biasanya tidak kira dalam kes jenayah atau sivil, permohonan untuk mengetepikan sapina akan dikemukakan oleh orang yang menerimanya.

“Walau bagaimanapun mahkamah boleh meminta pihak yang cuba mengemukakan keterangan berkenaan adalah relevan mengikut Seksyen 136 Akta Keterangan.

“Pada saya, akta itu tidak mengkehendaki permohonan dibuat. Tiada peruntukan undang-undang yang menyatakan perlunya satu permohonan bagi mengetepikan sapina sebelum rujukan dibuat kepada Seksyen 136.

“Mengenai sapina kepada Dr Mahathir, lebih elok jika ulasan tidak diberikan. Saya masih belum memutuskan sama ada keterangannya relevan atau tidak.

“Saya harap tidak ada lagi sebarang ulasan,” katanya.

Beliau membuat kenyataan itu selepas Karpal menarik perhatian mahkamah terhadap kenyataan Perdana Menteri semalam, mengulas kehadirannya di mahkamah.

Arifin berkata: “Saya percaya beliau (Dr Mahathir) tidak mempunyai sebarang niat jahat”.

Abdul Gani juga bersetuju adalah tidak wajar bagi sesiapa pun, termasuk ‘saya, Perdana Menteri dan semua peguam’ bercakap kepada pemberita menyentuh mengenai perkara berhubung kes ini.

Perbicaraan bersambung Isnin ini.